

## SEJARAH KESULTANAN PAHANG

1882-  
1914



Sultan Ahmad  
Al-Mu'adzam  
Shah Al-Marhum  
Bendahara Ali

1914-  
1917



Al-Marhum Sultan  
Mahmud Al-Marhum  
Sultan Ahmad  
Al-Mu'adzam Shah

1917-  
1932



Al-Marhum  
Sultan Abdullah  
Al-Mu'tasim Billah  
Al-Marhum Sultan  
Ahmad  
Al-Mu'adzam Shah

1932-  
1974



Al-Marhum  
Sultan Abu Bakar  
Ri'ayatuddin  
Al-Mu'adzam Shah  
Ibni Al-Marhum  
Sultan Abdullah  
Al-Mu'tasim Billah

1974-  
2019



Sultan Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah Al-  
Marhum Sultan Abu  
Bakar Ri'ayatuddin  
Al-Mu'adzam Shah

\* Sumber daripada Portal  
Kesultanan Pahang  
Perbadanan Perpustakaan  
Awam Negeri Pahang



Tengku Abdul Rahman (duduk, tengah) mengumumkan Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang keenam, di Istana Abu Bakar, semalam.

# Sultan Pahang ke-6

SINAR HARIAN (13/01/2019) M1502

## Sultan Ahmad Shah serah takhta kepada Tengku Abdullah

PEKAN

**T**engku Abdullah Sultan Ahmad Shah dilantik sebagai Sultan Pahang keenam berkuat kuasa serta merta, semalam.

Keputusan itu diumumkan Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar, semalam.

Tengku Muda berkata,

keputusan itu dibuat mengikut Perkara 9A Yang Baharu ke dalam Perkara 34, Bahagian 1, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang.

Menurutnya, implikasi penurunan takhta disebabkan kegeringan yang besar dan berat di atas nasihat Jumaah Pangkuan Raja Pahang yang bermesyuarat dan membuat keputusan serta menggazetkannya di Kuala Lumpur, semalam.

"Dalam keadaan sedih dan dukacita saya serta keluarga menerima hakikat, ayahanda sedang gering. Menyedari keadaan ini saya dan keluarga telah berpendapat mencadangkan kepada Jumaah kegeringan yang besar dan berat, setelah siasatan seluruhnya dan secukupnya.

"Mesyuarat telah dipengerusikan oleh saya. Semasa keputusan Jumaah Pangkuan Diraja ini dibuat, saya bersama Menteri Besar (Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail) telah mengadap kekanda saya untuk menyembah maklum dan perkenan untuk dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang.

"Alhamdulillah dengan izin ALLAH paduka kekanda saya telahpun bersetuju untuk diisytiharkan sebagai Sultan," katanya pada sidang media pengumuman keputusan mesyuarat Jumaah Pangkuan Diraja, di Istana Abu Bakar di

tiada. Ayahanda sering mengingatkan kepada saya dan kekanda saya (Sultan Abdullah) bahawa kepentingan rakyat adalah segala-galanya, katanya.

Mengulas mengenai ura ura pelantikan sebagai Agong Tengku Muda berkata mesyuarat kelmarin berkenaan negeri Pahang sahaja, manakala perlantikan berkaitan jawatan tertinggi institusi di raja tersebut terletak kepada Majlis Raja Raja.

Istiadat pemasyhuran Sultan Abdullah Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah akan diadakan 15 Januari ini di Istana Abu Bakar di sini, pada jam 11 pagi.

ah Pangkuan Raja supaya kekanda saya, ke bawah duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah untuk dilantik sebagai pengganti kepada paduka ayahanda saya sebagai Sultan.

"Jumaah Pangkuan Raja telah bersidang semalam (kemarin) dan cadangan telah dikemukakan. Jumaah telah meluluskan Undang Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang dengan memasukkan pindaan Perkara 9A yang memberi kuasa kepada Jumaah Pangkuan Diraja negeri untuk menurunkan takhta kerajaan iaitu raja pemerintah

sini, semalam.

Tengku Muda berkata, Sultan Abdullah bertitah supaya ayahanda baginda diisytiharkan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah.

"Ini bersesuaian dengan sifat kebapaan tuanku kepada rakyat Pahang keseluruhannya. Tidak ada yang lebih dekat di hatinya selain rakyat. Baginda mahu, ayahanda menjadi Paduka Ayahanda kepada sesiapa sahaja, bukan sahaja ayahanda saya tetapi kepada seluruh rakyat negeri Pahang berkuatkuasa serta merta.

"Raja dan rakyat berpisah

Manakala istiadat pertabalan dijadualkan setahun lagi.

Berhubung status kesihatan Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah, Tengku Muda meminta rakyat jelata mendoakan kesihatan baginda agar dapat sama-sama hadir ketika istiadat pemasyhuran dan pertabalan.

"Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah menjadi Sultan Pahang sejak 1974. Marilah kita berdoa supaya Paduka Ayahanda kembali sihat untuk bersama sama kita sewaktu pertabalan. Itulah harapan saya," katanya.

# TENGGU ABDULLAH NAIK TAKHTA

Diputerakan pada  
**30 JULAI 1959**  
di Istana Mangga  
Tunggal, Pekan



Mendapat pendidikan awal di Sekolah Ahmad, Pekan;  
Sekolah Rendah dan Menengah St. Thomas, Kuantan sebelum  
melanjutkan pelajaran ke luar negara termasuk di:

- ▶ Worcester & Queen Elizabeth College (Diplomatik dan Hubungan Antarabangsa) pada 1981
- ▶ Royal Military Academy, Sandhurst, England pada 1979-1980
- ▶ Davies College, London - Advance School pada 1978-1979
- ▶ Aldenham School, Elstree Hertfordshire - Advance School 1975-1978

*Sinar Harian (13/01/2014) M/S 03*

Hasil perkahwinan bersama **TENGGU PUAN PAHANG,**  
**TUNKU AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH,**  
baginda dikurniakan **empat putera** dan **lima puteri.**

- ▶ Tengku Amir Nasser
- ▶ Tengku Puteri Iman Afzan
- ▶ Tengku Puteri Ilisha Ameera
- ▶ Tengku Panglima Besar Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah
- ▶ Tengku Puteri Ilyana
- ▶ Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah
- ▶ Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah
- ▶ Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah
- ▶ Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah

## JAWATAN DISANDANG

- ▶ Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- ▶ Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- ▶ Canselor DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia
- ▶ Presiden Persatuan Bola Sepak Pahang (1984)
- ▶ Presiden FAM (2013- 2017)
- ▶ Ahli Majlis Persekutuan Bola Sepak Asean (kini)
- ▶ Ahli Jawatankuasa Eksekutif FIFA (2015 - kini)
- ▶ Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) (2008 - 2015)
- ▶ Presiden Persekutuan Hoki Asia (2014 - kini)
- ▶ Presiden Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA) (kini)

**BIODATA**

# TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH



# Mungkin dilantik sebagai Agong

**Berdasarkan penggiliran, Sultan Pahang akan dipilih selepas Kelantan**

MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM

Pemangku Sultan Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkemungkinan menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-16 berdasarkan kepada sistem penggiliran.

Ini kerana, giliran negeri dalam pusingan pertama Yang di-Pertuan Agong telah selesai sebelum ini dengan urutan Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

Dalam pusingan kedua, masih berbaki tiga negeri yang

masih belum dipilih iaitu Pahang, Johor dan Perak.

Pakar Perlembagaan, Prof Madya Dr Shamrahayu Abd Aziz berkata, berdasarkan sistem penggiliran, Sultan Pahang bakal ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong selepas Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meletakkan jawatan.

"Seperti yang disebut sebelum ini, walaupun Sultan Ahmad Shah gering, baginda masih boleh menjadi Yang di-Pertuan Agong walaupun gering sekiranya berminat dan Majlis Raja-Raja bersetuju serta tugas baginda akan dijalankan pemangku.

"Pada hari ini (semalam), Tengku Abdullah dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang dan sekarang giliran Sultan Pahang menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong," katanya kepada Sinar Harian di sini, semalam.

Shamrahayu berkata, berdasarkan proses pemilihan Yang di-Pertuan Agong, raja-raja

yang pernah menjadi Agong akan menawarkan jawatan berkenaan kepada Sultan Pahang dan menunggu jawapan sama ada menerima atau menolaknya.

"Sekiranya baginda menerima, maka Majlis Raja-Raja akan bermesyuarat untuk memberikan undi. Jika baginda menolak jawatan tersebut, ia akan ditawarkan kepada raja bagi dua negeri lain iaitu Johor dan Perak.

"Pada mesyuarat itu, sembilan raja akan diberikan kertas undi yang bertulis sesuai atau tidak sesuai (seseorang raja itu dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong). Jika menerima lima undi termasuk dirinya sendiri, maka baginda Sultan Pahang akan jadi Yang di-Pertuan Agong. Jumlah ini sudah cukup berdasarkan Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Sementara itu, pakar perlembagaan Dr Muhammad Fathi Yusof juga tidak menolak kemungkinan Tengku Abdullah

yang kini dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang bakal ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.

"Dalam Perlembagaan Persekutuan ada menyebut mengenai penggiliran Yang di-Pertuan Agong dan pusingan pertama telah berakhir, kini pusingan kedua jatuh kepada Sultan Pahang.

"Berdasarkan realiti ini, kemungkinan besar baginda akan menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Beliau berpendapat, Majlis Raja-Raja tidak akan menjalankan proses pengundian, sebaliknya sebulat suara memperkenan pelantikan tersebut.

"Pengundian itu mungkin berlaku jika ada sebab-sebab tertentu yang menyebabkan seseorang sultan atau raja itu hilang kelayakan.

"Dalam situasi sekarang, tidak ada perkara yang boleh menghilangkan kelayakan Tengku Abdullah," katanya.

Sultan Johor ucap tahniah

SHAH ALAM - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah mengucapkan tahniah kepada Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang akan dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang keenam, Selasa depan.

Tengku Abdullah yang merupakan Pemangku Raja Pahang diangkat sebagai Sultan Pahang keenam, semalam bagi menggantikan ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah yang gering.

"Merafak ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada DYMM Sultan Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah atas pemasyhuran sebagai Sultan Pahang," titah Sultan Ibrahim dalam Facebook, semalam.

**EK ELEH**

SPR umum  
**EMPAT CALON  
BERTANDING**  
di PRK Cameron  
Highlands!

Inilah **PRK  
YANG PALING  
BERSIH** dari  
permainan duit  
dalam sejarah  
Malaysia!

